

PENDEKATAN KREATIF PATUH SYARIAH DALAM MEMBUDAYAKAN TADABBUR AL-QURAN BAGI KANAK- KANAK MELALUI MEDIUM ANIMASI

A CREATIVE SHARIAH-COMPLIANT APPROACH TO CULTIVATING QURANIC REFLECTION AMONG CHILDREN THROUGH ANIMATION

Suliah Mohd Aris^{1*}

Hanifah Musa Fathullah Harun²

Fadhilah Adibah Ismail³

Noorul Huda Sahari⁴

Siti Sarah Izham⁵

¹ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia (Email : sulia384@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia (Email : hanifah0704@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia (Email : fadhilah97@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia (Email : nooru088@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS): Universiti Teknologi MARA (UiTM), 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia (Email : sarahizham@uitm.edu.my)

*Corresponding author: sulia384@uitm.edu.my

Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

To cite this document:

Mohd Aris, S., Harun, H. M. F., Ismail, F. A., Sahari, N. H., & Izham, S. S. (2025). Pendekatan kreatif patuh Syariah dalam membudayakan tadabbur al-Quran bagi kanak-kanak melalui medium animasi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 777 – 788.

Abstrak: *Tadabbur al-Quran merupakan proses memahami, menghayati, dan mengamalkan kandungan ayat-ayat suci sebagai panduan hidup. Amalan ini wajar dipupuk sejak peringkat kanak-kanak agar pembelajaran al-Quran tidak hanya tertumpu kepada pembacaan dan hafalan semata-mata. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan meninjau kepentingan tadabbur al-Quran dalam kalangan kanak-kanak dan menilai potensi cerita animasi sebagai medium berkesan untuk membudayakan amalan tersebut. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian literatur dengan kaedah analisis kandungan terhadap jurnal, buku ilmiah, dan artikel berkaitan. Dapatan kajian menunjukkan animasi mampu menjadi medium tadabbur dalam kalangan kanak-kanak kerana kekuatan teknik penceritaan yang digabung dengan elemen audio visual yang menarik dan mudah difahami. Kajian juga mendapati walaupun pendedahan animasi Islamik semakin meningkat, animasi berkonsepkan tadabbur masih kurang diberikan perhatian. Justeru, kajian ini menjangkakan pembangunan modul animasi berasaskan pendekatan tadabbur yang sesuai dengan tahap kognitif kanak-kanak, patuh syariah, dan selari*

dengan psikologi perkembangan, mampu menjadi medium pendidikan yang mendidik dan menghibur.

Kata kunci: *al-Quran, animasi, kanak-kanak, tadabbur*

Abstract: *Tadabbur Quran is the process of understanding, internalizing, and applying the meanings of the holy verses as a framework for living. This habit should be cultivated from a young age so that Quranic education extends beyond simple recitation and memorization. Accordingly, this study aims to explore the importance of tadabbur among children and assess the potential of animated storytelling as an effective medium to cultivate this practice. The study employs a literature review design with content analysis methods involving journals, scholarly books, and related articles. The findings indicate that animation can serve as a medium platform for tadabbur among children due to its powerful storytelling techniques combined with engaging and easily comprehensible audiovisual elements. The study also finds that although Islamic animation exposure is increasing, animation with a tadabbur-based concept remains underexplored. Therefore, this study anticipates that the development of an animation module based on a tadabbur approach—aligned with children's cognitive levels, Shariah-compliant principles, and developmental psychology—can become an educational medium that both teaches and entertains.*

Keywords: *Quran, animation, children, tadabbur*

Pendahuluan

Tadabbur al-Quran merupakan salah satu tanggungjawab seorang Muslim kerana meneruskannya sesuatu ayat bukan setakat dibaca namun dapat difahami. Kefahaman yang baik terhadap makna al-Quran akan melahirkan penghayatan dan seterusnya mendorong untuk diaplikasikan dalam kehidupan. Mentadabbur al-Quran juga mampu membentuk jati diri seseorang dengan akhlak yang mulia. Justeru itu, amalan ini wajar dipupuk sejak dari usia kanak-kanak agar menjadi satu kebiasaan apabila meningkat dewasa bak kata pepatah Melayu “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Dalam usaha menarik minat kanak-kanak mentadabbur al-Quran, pendekatan yang kreatif dan inovatif perlu dilakukan. Kanak-kanak generasi alfa di era digital masa kini lebih cenderung dan meminati medium visual dan hiburan seperti animasi, YouTube dan Tiktok berbanding bahan bacaan teks. Justeru itu kajian ini meninjau potensi animasi sebagai medium tadabbur al-Quran bagi memenuhi keperluan tersebut. Dalam mencapai hasrat tersebut, satu garis panduan perlu dibuat agar ianya patuh syariah dan matlamat pendidikan tadabbur tercapai.

Pernyataan Masalah

Penurunan al-Quran bukan sahaja untuk diimani namun untuk dijadikan panduan hidup yang memerlukan proses tadabbur. Namun begitu dalam pendidikan al-Quran, aspek tadabbur masih kurang diberi penekanan berbanding penguasaan dalam membaca al-Quran dan hafalan (Hashim et al., 2014; Fakhruddin et al., 2020). Pelbagai kaedah membaca al-Quran seperti kaedah Baghdadiyah, Iqra', Hattawiyah dan sebagainya yang wujud masa kini menunjukkan kemahiran membaca al-Quran amat ditekankan dalam kalangan kanak-kanak (Yusuf & Ahmad, 2023). Kajian-kajian lepas berkaitan al-Quran juga lebih tertumpu kepada kemahiran membaca dan menghafal (Mat Yusoff et al., 2024; Saipuddin et al., 2023; Sazali, 2010; Ismail et al., 2024). Hakikatnya pendidikan al-Quran turut merangkumi pendidikan tadabbur agar mereka

dapat memahami ajaran Islam secara mendalam dan seterusnya mengamalkannya dalam kehidupan.

Usaha mendidik kanak-kanak agar menjadikan al-Quran sebagai panduan hidup semakin mencabar di era digital masa kini. Permainan gajet yang mengasyikan dan rancangan animasi yang mudah ditonton dan diakses lebih menarik minat mereka. Mereka berhadapan dengan lambakan rancangan animasi dari dalam dan luar negara yang boleh ditonton menerusi saluran televisyen, YouTube, Netflix serta di media sosial yang kebanyakannya tidak sesuai ditonton (Ismail et al., 2014). Misalnya animasi “Alvin and The Chipmunks” memanggil nama ayah dengan Dave, “Pickle and Peanuts” menyebut perkataan aksi lucu (Ismail et al., 2024), aksi ganas “Roblox” serta unsur LGBT yang dipaparkan daripada “Lightyear” boleh mempengaruhi kanak-kanak kepada gaya hidup yang bertentangan dengan pegangan agama dan nilai murni masyarakat tempatan (Harun, 2022).

Tidak dinafikan terdapat peningkatan animasi Islamik tempatan masa kini yang menerapkan nilai-nilai Islam seperti Omar & Hana, Little Amar, Mina Mila (Jefri, 2022), Didi & Friends, ILM: Kebangkitan Khalifah, namun masih berlaku kelompongan animasi yang berkonsepkan tadabbur al-Quran. Walaupun terdapat animasi tempatan yang bertemakan pendidikan al-Quran masa kini, namun ianya lebih memberi fokus kepada kemahiran bacaan dan hafalan surah pendek seperti yang terdapat dalam animasi Omar dan Hana. Melihat kepada keperluan mengetengahkan animasi berkonsep tadabbur al-Quran sebagai medium membudayakan amalan tersebut dalam kalangan kanak-kanak, kajian ini bertujuan (i) meninjau kepentingan tadabbur al-Quran dalam kalangan kanak-kanak, (ii) menilai potensi animasi sebagai medium berkesan untuk membudayakan tadabbur dan (iii) mencadangkan garis panduan animasi berkonsep tadabbur patuh syariah.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang bersifat eksploratori, bertujuan meninjau potensi animasi sebagai medium tadabbur al-Quran dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini dijalankan bagi memahami secara mendalam konsep tadabbur al-Quran dan kesesuaian pendekatan animasi dalam menyampaikan mesej Quran kepada golongan tersebut. Beberapa kaedah umum digunakan, antaranya:

i. Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian diperoleh melalui kajian literatur yang melibatkan sumber primer dan sekunder.

- Data primer diperoleh daripada buku-buku dan artikel ilmiah yang berautoriti dan relevan dengan bidang pendidikan Islam, tadabbur al-Quran dan animasi kanak-kanak.
- Data sekunder pula merangkumi jurnal akademik, prosiding seminar, laporan kajian, dan garis panduan rasmi berkaitan media Islamik dan pendidikan awal kanak-kanak.

ii. Kaedah Analisis Data

Semua data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Analisis ini bertujuan mengenal pasti:

- Kepentingan tadabbur al-Quran dalam pendidikan awal kanak-kanak.
- Kelebihan dan potensi animasi sebagai medium pembelajaran yang efektif.
- Elemen multimedia yang menyokong pemahaman konsep abstrak dan nilai Qurani.
- Cadangan pembangunan modul animasi tadabbur yang patuh syariah dan sesuai dengan tahap perkembangan kanak-kanak.

Melalui pendekatan ini, kajian berusaha menghasilkan dapatan yang menyokong pembangunan medium pembelajaran Islamik yang bukan sahaja mendidik, tetapi juga menghibur dan membentuk akhlak mulia dalam kalangan generasi muda.

Kajian Literatur

Tadabbur dan kepentingannya

Tadabbur al-Quran adalah suatu yang penting bagi seorang Muslim. Kajian Abd Razzak dan Ab. Rahim (2017) mendapati menerusi tadabbur seseorang dapat mengenal hakikat Tuhan, menambahkan ilmu dan amal. Menurut kajian Zakaria et al. (2017) tanpa tadabbur, sesuatu ayat al-Quran sukar untuk difahami, diambil pengajaran dan diimplementasikan dalam kehidupan. Malahan menerusi tadabbur al-Quran dapat melahirkan seorang Muslim berjiwa hamba yang hatinya sentiasa dekat dengan Allah SWT.

Pendekatan Kreatif Sebagai Medium Pembelajaran al-Quran dan Tadabbur

Terdapat kajian-kajian berkaitan tadabbur al-Quran menggunakan pendekatan kreatif. Antaranya kajian yang dibuat Abd Razzak dan Ab Rahim (2017) bertajuk "*Aplikasi Media Dalam Mentadabbur Al-Quran: Kajian Surah Al-Ikhlash Oleh Nouman Ali Khan*" mendapati bahawa kaedah bertadabbur dengan media *powtoon* yang digunakan oleh Nouman Khan menjadikan tadabbur lebih menarik. Kajian Zakaria et al. (2024) mendapati amalan tadabbur al-Quran menerusi pembelajaran digital mampu menjadikan pembelajaran al Quran lebih personal dan efektif. Kajian Amran et al. (2024) pula mendapati pembelajaran tadabbur al-Quran menerusi akaun "Quran Tadabbur" di platform TikTok dapat mengisi masa lapang dengan kefahaman yang mendalam terhadap penafsiran ayat suci al-Quran di samping berhibur.

Kajian yang dilakukan oleh Ismail et al. (2023) mendapati platform digital seperti Fun Q dapat mempromosikan pendidikan al-Quran dengan cara yang menarik dan berkesan. Selain itu kajian Yusuff et al. (2021) bertajuk "*Tadabbur Al-Quran Menerusi Aplikasi Telefon Pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian Terhadap Surah Al Hadid*" mendapati bahawa kaedah tadabbur menerusi aplikasi tersebut dapat memberikan manfaat kepada golongan yang masih baharu berjinak-jinak dalam aktiviti tadabbur untuk memahami ayat al-Quran secara ringkas.

Animasi Sebagai Medium Pembelajaran Kanak-kanak

Terdapat banyak kajian lepas berkaitan animasi sebagai medium pembelajaran kanak-kanak, antaranya Ismail et. al (2024) mendapati animasi mampu menyampaikan mesej dengan cara yang berkesan kerana menerusi paparan visual dan audio yang menarik, ia mampu menjadi medium pembelajaran dan dakwah yang efektif dan merentas sempadan usia, budaya dan bahasa. Bahkan ia boleh memberi impak yang sangat signifikan kepada pembelajaran kanak-kanak dan pembentukan karakter. Perkara ini turut disokong dengan kajian Azahari et al. (2024) dan Ismail et. (2024) yang mendapati animasi mampu dijadikan alat pendidikan dan penerapan nilai-nilai murni kanak-kanak. Ia turut memberi impak yang positif dalam kemahiran komunikasi interpersonal kanak-kanak (Mat Arif & Mahbob, 2020). Kajian yang dilakukan oleh Saiful Bahri et al. (2023) bertajuk "*Animasi "Omar & Hana" sebagai Medium Penyebaran Gaya Hidup Islam Kepada Kanak-Kanak*" mendapati bahawa animasi bukan semata hiburan tetapi berpotensi sebagai medium dakwah.

Daripada sorotan kajian literatur tersebut, dapat dirumuskan bahawa animasi mampu menjadi medium pendidikan yang kreatif dalam kalangan kanak-kanak termasuk pendidikan al-Quran.

Walaupun berlaku peningkatan animasi tempatan yang bertemakan penerapan ajaran Islam dalam kalangan kanak-kanak seperti platform Durioo+ (Rostam, 2023), namun berlaku kelompongan animasi yang berkonsepkan tadabbur al-Quran.

Dapatan Kajian Dan Perbincangan

Kepentingan Budaya Tadabbur al-Quran Dalam Kalangan Kanak-kanak

Tadabbur dari segi bahasa berasal daripada perkataan *dabara* (تَبَرَّ) yang bermaksud penghujung sesuatu. Manakala dari segi istilah menurut Ibn Atiyyah (m. 481H) tadabbur bermaksud merenungkan tentang kesudahan dan natijah bagi sekalian perkara. Al-Zamakhshari (m. 538H) menyatakan tadabbur ialah merenungi dan berfikir tentang bagaimana penghujung atau kesudahan sesuatu dengan berfikir secara mendalam. Justeru itu makna tadabbur al-Quran menurutnya ialah merenung maknanya dan memerhatikan apa yang terdapat di dalamnya. Daripada definisi para mufassirin menyimpulkan bahawa tadabbur al-Quran adalah bermaksud merenung al-Quran dengan fikiran yang mendalam bertujuan mengambil pengajaran, iktibar dan pencerahan (al-Wahbi, 2019). Budaya pula bermaksud membiasakan atau melazimi sesuatu perbuatan dalam masyarakat sehingga menjadi satu kebiasaan (Kamus Dewan edisi ke 4, 2005). Justeru itu budaya tadabbur al-Quran memberi maksud membiasakan atau melazimi amalan mencari makna kalimah suci ayat al-Quran untuk diambil iktibar daripadanya dan seterusnya diamalkan dalam kehidupan.

Tadabbur adalah berbeza dengan tafsir di mana tadabbur merupakan satu usaha mencari makna di sebalik sesuatu perkara bagi mendalami hakikat sesuatu. Berbeza dengan tafsir yang merupakan satu cabang ilmu yang mempunyai syarat-syarat tertentu yang perlu dipatuhi, tadabbur tidak memerlukan seseorang itu memenuhi syarat-syarat tertentu kecuali kefahaman secara umum tentang satu-satu ayat (Luqman Tarmizi, 2019). Ini bersesuaian dengan maksud firman Allah SWT dalam Surah al-Qamar ayat 11 : *“Dan sesungguhnya Kami permudahkan al-Quran itu untuk diambil peringatan daripadanya, maka adakah yang mahu mengambil peringatan?”*

Tadabbur merupakan tujuan penurunan al-Quran iaitu untuk diambil pengajaran daripadanya dan seterusnya untuk diamalkan sebagaimana maksud firmanNya *“(Al-Quran ini) sebuah Kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah-faedah dan manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya, dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar.”* (Surah al-Sad : 29). Justeru itu mentadabbur al-Quran menjadi satu kewajipan ke atas setiap Muslim sebagaimana maksud firmanNya dalam Surah Muhammad ayat 24 : *“(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)?”*

Menurut Al-Wahbi (2019) terdapat banyak faedah mentadabbur al-Quran iaitu mendorong kepada keimanan dan peningkatannya. Perkara ini dijelaskan dalam firmanNya yang bermaksud : *“Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari Al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): “Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?” Adapun orang-orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira (dengan turunnya)”* (Surah al-Taubah : 124). Ayat ini menjelaskan pertambahan iman bagi orang yang beriman disebabkan apa yang disampaikan daripada al-Quran. FirmanNya yang lain bermaksud : *“Sesungguhnya*

orang-orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut nama Allah (dan sifat-sifatNya) gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayatNya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.” (Al-Anfal:2)

Selain daripada itu, tadabbur ayat suci al-Quran akan mendorong kepada ketakutan dan pengharapan kepada Allah SWT sebagaimana dijelaskan dalam firmanNya bermaksud; *“Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan iaitu Kitab Suci Al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab Suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan Al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturannya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadanya.” (al-Zumar ayat 23).*

Berdasarkan kepentingan tersebut, pendidikan tadabbur al-Quran wajar dipupuk sejak dari kecil agar matlamat pendidikan untuk membantu perkembangan bakat, kebolehan dan potensi jasmani, emosi, rohani, intelektual (JERI) tercapai (Sulaiman et al., 2020). Menerusi tadabbur, kanak-kanak berupaya mengenali Allah SWT dengan lebih mendalam. Misalnya, menerusi tadabbur Surah al-Dhuha kanak-kanak dapat mengenal sifat rahmat dan kasih sayang Allah SWT yang tidak membiarkan Nabi Muhammad saw dan semua makhlukNya bersendirian dalam menempuh ranjau kehidupan. Keyakinan terhadap sifat ini seterusnya akan melahirkan satu kekuatan dan ketenangan bahawa pertolongan Allah SWT sentiasa bersama walaupun tiada sesiapa yang membantu ketika berada dalam kesusahan (Ab Rahman, 2024).

Mengajar kanak-kanak mengenali Allah SWT adalah merupakan asas dalam binaan akidah kerana apabila mereka mengenali Allah SWT maka akan lahir satu ikatan yang kuat antara diri mereka dengan Pencipta. Ikatan yang kuat ini akan menerbitkan perasaan cinta dan penuh pengharapan kepada Pencipta dan seterusnya melahirkan ketaatan untuk melaksanakan segala perintah dan menjauhi laranganNya (Haji Musa, 2021). Dalam hal ini, menurut Sayid Sabiq (2010) apabila seseorang mengenal Tuhannya melalui akal dan hati, ianya akan menghasilkan kemerdekaan jiwa dari kekuasaan orang lain, melahirkan keberanian dalam jiwa untuk terus maju, meyakini Allah SWT sebagai Pemberi Rezeki, melahirkan ketenangan, meningkatkan kekuatan maknawiyah manusia dan melahirkan kehidupan yang baik.

Tadabbur al-Quran merupakan satu proses yang mendorong seorang Mukmin untuk beramal. Ia bukan sekadar melibatkan pendengaran dan rasa terkesan terhadap ayat-ayat suci, tetapi turut mengajak seseorang mengambil ibrah dan mengamalkannya dalam kehidupan sebagai tanda ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya (al-Wahbi, 2019). Justeru, amalan tadabbur wajar dipupuk sejak usia kanak-kanak agar terbentuk jati diri yang holistik — bukan sahaja beriman, tetapi juga beramal dan berakhlak mulia. Sebagai contoh, tadabbur Surah al-Dhuha dapat memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak seperti rasa syukur atas nikmat Allah SWT, keprihatinan terhadap golongan memerlukan seperti anak yatim, serta semangat berkongsi kebaikan dan menyebarkan ilmu (Mohd Noor, 2024).

Potensi Cerita Animasi Sebagai Medium Tadabbur al-Quran

Animasi merupakan lukisan imej yang disusun secara teratur dan digerakkan pantas sehingga menghasilkan ilusi pergerakan (Abdullah & Ishak, 2010). Elemen visual, audio, naratif, grafik (Jamil, 2021), reka bentuk, lakonan, suara dan dialog (Liu & Elsm, 2019), apabila digarap secara kreatif, mampu menghasilkan karya animasi yang menarik dan berkesan (Mat Arif et al., 2020). Gabungan elemen-elemen tersebut menjadikan animasi berpotensi sebagai medium pembelajaran yang lebih menyeronokkan dan sesuai untuk kanak-kanak.

Kajian Ahmad, Baharom dan Siti Nasrah (2007) menunjukkan bahawa pendidikan melalui animasi merupakan antara medium terbaik dalam membentuk karakter kanak-kanak. Dapatan ini sejajar dengan Teori Kognitif yang menjelaskan bahawa pembelajaran lebih mudah berlaku melalui pengamatan objek audio-visual berbanding hanya bergantung pada teks. Animasi yang berwarna-warni dan kreatif menjadikan kanak-kanak lebih terbuka menerima maklumat serta cenderung untuk mengikuti arahan (Saiful, 2023). Hal ini turut disokong oleh Teori Pembelajaran Multimedia yang menegaskan bahawa animasi mampu menyokong pemahaman secara afektif dan efektif (Taylor et al., 2007). Seiring dengan itu, Ronaldi Saleh et al. (2011) menegaskan bahawa animasi sebagai medium pembelajaran bukan sahaja menarik, malah memudahkan pemahaman kandungan. Dalam konteks pendidikan, kelebihan utama animasi ialah kebolehannya menyampaikan idea abstrak dalam bentuk visual yang konkrit (Rakiyah, 2019), selaras dengan penegasan Liu dan Elsm (2019) serta Jamil (2021) bahawa animasi berkesan memvisualisasikan konsep kompleks dan abstrak.

Selain itu, penggunaan animasi juga dapat meningkatkan motivasi dan mengekspresikan kreativiti pelajar (Ismail et al., 2024; Jamil, 2021). Prof. Dr. Amer Shakir Zainol turut menekankan bahawa animasi bukan sekadar medium hiburan atau eskapisme, tetapi juga ruang yang mampu membuka minda, menyumbang kepada perkembangan psikologi, serta merangsang kreativiti dan imaginasi kanak-kanak. Malah, animasi terbukti mampu mempengaruhi pembentukan sikap serta tingkah laku melalui nilai moral yang dipaparkan (Abdul Rahim et al., 2014). Kajian Sawai (2009) mendapati minda kanak-kanak sangat mudah dipengaruhi oleh rancangan tontonan, di mana proses pembelajaran berlaku melalui peniruan karakter, plot, serta paparan audio visual. Justeru, animasi dapat berfungsi sebagai medium pembelajaran sosial yang berkesan, khususnya dalam memupuk kemahiran komunikasi dan interpersonal (Mat Ariff & Mahbob, 2020), di samping menjadi hiburan positif yang mengurangkan kebosanan serta mencipta suasana pembelajaran menyeronokkan (Ariffin, 2023; Ismail et al., 2024).

Dengan kelebihan tersebut, animasi wajar dijadikan medium kreatif dalam membudayakan tadabbur al-Quran. Melalui animasi, mesej dan ayat al-Quran dapat divisualisasikan dalam bentuk konkrit, sekaligus memudahkan pemahaman termasuk terhadap konsep abstrak (Ismail et al., 2024). Sebagai bentuk penceritaan digital, animasi berupaya memvisualisasikan nilai Qurani seperti kesyukuran, kesabaran dan kasih sayang agar lebih mudah difahami oleh kanak-kanak (Mohid et al., 2018). Elemen multimedia seperti grafik, audio, warna, dan interaktiviti turut berperanan meningkatkan minat, motivasi, serta penglibatan kanak-kanak berbanding kaedah tradisional. Melalui pendekatan ini, tadabbur al-Quran bukan sahaja dapat difahami secara intelektual, tetapi juga memberi kesan rohani dan akhlak kepada kanak-kanak.

Penggunaan teknologi maklumat dalam tadabbur al-Quran menjadikan proses pembelajaran lebih bersifat peribadi, interaktif dan berkesan (Zakaria et al., 2024). Pendekatan animasi dilihat selari dengan gaya pembelajaran kanak-kanak yang cenderung kepada rangsangan visual dan auditori (Ismail et al., 2023), sekali gus menjadikannya medium yang relevan untuk tujuan

tadabbur. Kajian oleh Ismail et al. (2024) turut menegaskan bahawa animasi berfungsi sebagai alat sokongan yang efektif dalam penanaman nilai-nilai murni sejak peringkat awal kanak-kanak. Oleh itu, pendidikan tadabbur al-Quran melalui medium animasi berpotensi melahirkan generasi kanak-kanak yang bukan sahaja terhibur, tetapi juga dididik dengan nilai Islamik yang mendalam dan berkesan.

Secara keseluruhannya, pendekatan animasi Islamik sebagai medium kreatif dalam membudayakan tadabbur al-Quran untuk kanak-kanak perlu diberi sokongan. Usaha ini sejajar dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013–2025) dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak mulia, serta beridentiti Islam kukuh dalam mendepani cabaran era digital.


Cadangan Kerangka Modul Animasi Berkonsep Tadabbur Al-Quran Patuh Syariah

Kajian ini mencadangkan kerangka modul animasi berkonsepkan tadabbur al-Quran patuh syariah diwujudkan bagi memenuhi keperluan. Dalam penghasilan kerangka modul tersebut, Garis Panduan Penapisan Filem Negara (KDN, 2024) dan Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam dalam Media Baharu (2024) dijadikan sebagai panduan asas berserta syarat tambahan yang selari dengan prinsip-prinsip Islam bagi memastikan sesebuah rancangan animasi selari dengan syariah Islam (Opir, 2017). Selain daripada itu, Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia juga perlu dijadikan rujukan bagi memastikan ianya bersesuaian dengan perkembangan kognitif dan psikologi kanak-kanak. Elemen-elemen penting dalam animasi patuh syariah yang dicadangkan merangkumi perkara berikut iaitu:

- i. **Kandungan tadabbur** : Memberi fokus samada kepada surah lazim, nilai-nilai murni atau kisah-kisah dari al-Quran yang sesuai dengan kognitif kanak-kanak. Kandungan tadabbur yang menjadi papan cerita animasi ini hendaklah bertepatan dengan Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu (2024) iaitu tidak mengandungi perkara yang dapat merosakkan akidah, syariat dan akhlak secara tersurat atau tersirat. Tafsiran ayat al-Quran yang digunakan dalam tadabbur perlu merujuk kepada pakar dalam bidang al-Quran bagi memastikan ketepatan makna ayat dan mesej serta dan mengelakkan unsur bercanggah dengan syariah.
- ii. **Naratif penceritaan** : Bahasa yang digunakan dalam penceritaan perlulah menggunakan bahasa mudah dan ringkas dengan adunan plot yang menarik dan dipaparkan dalam durasi masa yang bersesuaian dengan kognitif dan psikologi kanak-kanak. Perwatakan yang ditonjolkan dalam sesuatu watak pula mestilah bertepatan dengan garis panduan perfilemen Islam seperti tiada aksi ganas, lucu dan sebagainya (Opir, 2017). Pembinaan papan cerita sesebuah animasi perlulah selaras dengan dengan Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu (2024). Justeru itu kisah-kisah israilliyat tidak boleh digunakan sebagai dasar akidah, syariat atau hujah dalam dakwah dan motivasi. Begitu juga skrip yang dibina tidak mengandungi percakapan atau perbuatan yang menyalahi nilai akhlak Islam seperti menyebarkan fitnah, menghina bangsa, budaya atau agama yang menjejaskan perpaduan.
- iii. **Elemen multimedia** : Berdasarkan Teori Kognitif Pembelajaran Multimedia Mayer (2014), pembelajaran lebih efektif apabila maklumat yang disajikan terdiri daripada kombinasi teks dan grafik, audio dan visual kerana ia dapat meningkatkan pemahaman dan pengekalangan memori. Justeru, elemen multimedia dalam animasi perlu melalui beberapa langkah iaitu (i) pemilihan teks yang sesuai untuk pemrosesan dalam

ingatan kerja verbal (ii) memilih imej yang sesuai untuk pemprosesan dalam ingatan kerja verbal (iii) menyusun teks yang telah dipilih dalam satu model mental verbal (iv) menyusun imej yang telah dipilih dalam satu model mental visual dan (v) mengintegrasikan perwakilan maklumat berbentuk verbal dan visual sebagai satu pengetahuan baharu. Sehubungan dengan itu, dalam penghasilan animasi tadabbur patuh syariah, elemen-elemen multimedia tersebut perlulah selari dengan syariah, seperti tidak menggambarkan wajah para nabi dan rasul, malaikat, sahabat yang empat, syaitan dan perkara-perkara ghaibiyat. Manakala audio dan muzik yang digunakan mestilah selari dengan Islam dan sesuai dengan kanak-kanak (Al-Qaradhawi, 2016). Selain itu, pemilihan warna dalam ilustrasi perlulah bersesuaian dengan kanak-kanak seperti menggunakan warna cerah yang diminati mereka (Ismail et al., 2024).

Berikut disertakan rajah cadangan kerangka modul animasi berkonsep tadabbur al-Quran patuh syariah.



Rumusan

Animasi merupakan satu pendekatan kreatif yang semakin mendapat tempat dalam pendidikan kanak-kanak pada era digital masa kini. Sehubungan itu, dalam usaha menarik minat kanak-kanak untuk membudayakan tadabbur al-Quran, wujud keperluan membangunkan animasi yang berteraskan elemen tadabbur. Pembinaan modul animasi yang patuh syariah menuntut adanya satu garis panduan yang jelas melalui penggembleran kepakaran daripada bidang al-Quran, animasi dan psikologi kanak-kanak. Usaha integratif ini penting agar animasi yang dihasilkan bukan sahaja selari dengan prinsip syariah Islam, tetapi juga berupaya menyampaikan mesej pendidikan secara berkesan kepada golongan kanak-kanak.

Penghargaan

Penghargaan dirakamkan kepada Dar Al-Qari Resources yang membiayai geran penyelidikan bertajuk “Kerangka Modul Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Animasi Kanak-Kanak Berteraskan Pendekatan Tadabbur Al-Quran”, Kod Projek: 100-TNCPI/PRI 16/6/2

9049/2024). Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada para penilai atas cadangan yang baik untuk penerbitan artikel ini.

Konflik Kepentingan

Penulis tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan dengan mana-mana pihak, organisasi atau individu sama ada dari segi kewangan atau kepentingan lain dalam penghasilan artikel ini.

Sumbangan Penulis

Penulis pertama merupakan penulis utama, manakala penulis kedua, ketiga, keempat dan kelima membantu mengumpulkan bahan literatur, mengemaskinikan semula penulisan dan melakukan semakan akhir, sebelum kesemua pengarang bersetuju menghantar manuskrip bagi tujuan penerbitan.

Rujukan

- Abd Razzak, M., & Ab Rahim, N. M. Z. (2017). *Aplikasi media dalam mentadabbur al-Quran: Kajian surah al-Ikhlas oleh Nouman Ali Khan*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Penyelidikan Sirah Nabawi dan Pemikiran (ISRA), Malaysia
- Al-Qardhawi, Y. (2016). *Halal dan haram dalam Islam*. PTS media Group Sdn. Bhd.
- Al-Wahbi, F. (2019). *Tadabbur al-Quran: Konsep, cara dan hikmahnya*. ABIM Press.
- Abdullah, F., & Ishak, M. S. A. (2010). Pembangunan sektor animasi di Malaysia: Pendidikan dan latihan animasi di Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 12(2), 69–82. <https://jpmm.um.edu.my/index.php/JPMM/article/view/32617>
- Abd Rahim, N., Abdul Halim, H., & Mamat, R. (2014). Learning via television cartoon. *Asian Social Science*, 10(15), 8–15. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n15p8>.
- Ab Rahman, S. (2004). *Kita baik-baik saja*. Tentang Kita Sdn Bhd.
- Ahmad, A., Baharom, M., & Siti Nasrah, I. (2007). Pendidikan melalui animasi: Medium terbaik dalam mendidik karakter kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 32(1), 55–67.
- Amran, N. I., Kamal, N. N., & Syed Hasan, S. N. (2024). *Pengajian tadabbur al-Quran di aplikasi TikTok: 'Quran Tadabbur'*. E-Proceeding Seminar Kearifan Nusantara Kali Ke-5, Universiti Sains Islam Malaysia, 20–23 Januari 2024. <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/f3667104-7dfc-4d4a-95c6-bdf7639e830d>
- Arifin, Z. (2023). *Animated videos as an Islamic educational medium for children: A systematic literature review*. *International Journal of Post Axial: Futuristic Teaching and Learning*, 1(1), 79–91
- Baharom, N. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi ke-4). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fakhrudin, F. M., Che Ishak, S., & Asmawati, S. (2020). *Proses dan kaedah pembelajaran tahfiz dalam kalangan murid di Sekolah Menengah Agama Kerajaan di Malaysia*. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 17(2), 311–340. <https://doi.org/10.32890/mjli2020.17.2.11>
- Haji Musa, S. (2021). *Prinsip-prinsip pembangunan insaniah dalam perkembangan dan pendidikan kanak-kanak*. *RABBANICA - Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 67–82. <https://ejournals.kias.edu.my/index.php/rabbanica/article/view/192>.
- Hashim, A., Tamuri, A. H., Jemali, M., & Che Noh, A. (2014). *Kaedah pembelajaran tahfiz dan hubungannya dengan pencapaian hafazan pelajar*. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*, 1(1), 9–16. https://www.researchgate.net/publication/271373851_Kaedah_Pembelajaran_Tahfiz_dan_Hubungannya_dengan_Pencapaian_Hafazan_Pelajar.
- Ismail, N. K., Zailani, S., Lubis, F. A., Isa, A. D. M., Zain, F. M., Farid, N. F., Noor, S. F. M., Dahlan, H. A., Noh, N. C., & Khamis, M. F. (2024). animasi Islamik untuk pendidikan

- awal kanak-kanak: Satu tinjauan literatur. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2) 60–70. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/download/1778/1387>
- Ismail, M. Z., Ramli, S., & Abd Rahim, S. (2024). Isu dan cabaran dalam pengajaran Bahasa Arab dan hafazan al-Quran pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Al-Sirat*, 24(1), 95–103. <https://doi.org/10.64398/alsirat.v24i1.322>
- Ismail, S., Mustafa, N. M., Shahrudin, S. A., Yahaya, M., & Razali, K. S. (2023). Learning style through Fun Al-Quran Digital Application (Fun Q). *Journal of Advanced Research in Computing and Applications*, 32(1), 13–21. <https://doi.org/10.37934/arca.32.1.1321>
- Jamil, N. (2021). Animasi dalam pendidikan: Analisis elemen visual dan naratif. *Journal of Creative Multimedia Studies*, 6(2), 101–115.
- Liu, C., & Elms, P. (2019). Animating student engagement: The impacts of cartoon instructional videos on learning experience. *Research in Learning Technology*, 27, Article 2124. <https://doi.org/10.25304/rlt.v27.2124>
- Mat Arif, M., Mahbob, M., & Zahari, N. (2020). Peranan animasi dalam komunikasi dan hiburan kanak-kanak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 105–123. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2020-3603-07>
- Mat Ariff, M. S. F., & Mahbob, M. H. (2020, September 30). Impak media animasi terhadap kemahiran komunikasi interpersonal kanak-kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(4), 1–11. <https://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/336>
- Mayer, R. E. (2014). Cognitive theory of multimedia learning. In R. E. Mayer (Ed.), *Cambridge handbooks in psychology. The Cambridge handbook of multimedia learning* (p. 43–71). Cambridge University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9781139547369.005>
- Mohd Azahari, N. A., Abdul Azis, S. N. A., Ahmad, N. S. S., & Abd Kadir, K. (2024). Masyarakat majmuk membentuk Malaysia Madani melalui filem animasi kanak-kanak *Upin & Ipin. E-Proceeding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9* (PASAK 9 2024), 17–18 Julai 2024. https://conference.uis.edu.my/pasak/images/eprosiding/bm/pasak92024-077-awatif_azahari-USIM_1.pdf
- Mohd Noor, M. D. K. (2024). *Mesej “deep” dalam surah lazim*. Buku Faqih Mohid, S. Z., Ramli, R., Abdul Rahman, K., & Shahabudin, N. N. (2018). *Teknologi multimedia dalam pendidikan abad 21*. Kertas kerja dibentangkan dalam 5th International Research Management & Innovation Conference (IRMIC), Putrajaya, Malaysia. <http://rmc.kuis.edu.my/irmic/wp-content/uploads/2018/09/IRMIC18-pendidikan-alaf-21-multimedia-Dr-Zaharah.pdf>
- Rakiah, R. (2019). Visualisasi idea abstrak melalui animasi: Aplikasi dalam pendidikan. *Indonesian Journal of Education and Learning*, 5(3), 215–227.
- Ronaldi Saleh, M., Ibrahim, A., & Hadi, N. (2011). Penggunaan animasi sebagai medium pembelajaran berkesan. *Jurnal Teknologi Pendidikan*, 33(1), 1–12.
- Opir, H., Yusof, M., Abdullah, L., Siren, N., Yusoff, Y. M., & Abdullah, W. Y. (2017). Pembinaan kriteria filem patuh syariah di Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities (Al-Abqari)*, 12(Special Edition), 71–91. <https://oarep.usim.edu.my/entities/publication/cfff6d7f-f07e-40f2-a68d-bfc3a4f91312/full>
- Saiful Bahri, N. A., Jamal, N. I., & Syed Hassan, S. N. (2023). Animasi “Omar & Hana” sebagai medium penyebaran gaya hidup Islam kepada kanak-kanak. *Jurnal Penyelidikan Islam dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11), 29–41. <https://www.researchgate.net/publication/375773680>
- Sabiq, S. (2022). *Aqidah Islam menurut al-Quran dan hadis*. Pustaka Salam.

- Sawai, R. P. (2009). Penerapan nilai-nilai Islam melalui penggunaan media dalam pendidikan. Kertas kerja dibentangkan dalam *Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST2009)*, 21–22 Julai 2009, Hotel Equatorial Bangi, Malaysia. <https://www.researchgate.net/publication/326059445>
- Sazali, H. (2010). *Pendidikan awal kanak-kanak menurut al-Qur'an: Pelaksanaan di Pusat Pendidikan Pra Sekolah di Bandar Triang, Pahang* [Tesis sarjana, Universiti Malaya]. Jabatan al-Quran dan al-hadith, Akademi Pengajian Islam.
- Sulaiman @ Mohamad, A., Che Noh, N., & Jamsari, E. A. (2020). Jati diri kanak-kanak Melayu-Islam menerusi pendidikan awal. *Sains Insani*, 5(2), 98–106. <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no2.156>
- Taylor, J., Richards, R., & Klein, D. (2007). Multimedia learning theory and educational animation. *Journal of Instructional Psychology*, 34(2), 65–74.
- Sapiuddin, U. U., Ismail, S., Yahaya, M., Mustafa, N. M., Shahrudin, S. A., & Razali, K. S. (2023). Analisis aplikasi hafazan al-Quran kanak-kanak dalam platform digital. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 10(2), 19–32. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/26>
- Yusuff, S., Sholeh, M., Haji-Othman, Y., & Mat Isa, N. H. (2021). Tadabbur al-Quran menerusi aplikasi telefon pintar (Mobile Apps) Quran Tadabbur Digital: Kajian terhadap Surah Al-Hadid. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(9), 1026–1040. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i9/10890>
- Zakaria, R., Ishak, M. A., Syed Aziz, S. N., Yahaya, M., Hussin, H., & Saibon, S. T. (2024). Tadabbur al-Quran through information technology: A pilot study among Selangor Islamic University students. *Journal of Advanced Research in Computing and Applications*, 35(1), 31–39. <https://doi.org/10.37934/arca.35.1.3139>
- Lembaga Penapisan Filem Negara. (2024). *Garis Panduan Penapisan Filem*. Kementerian Dalam Negeri. <https://www.mygp.gov.my/garis-panduan-penapisan-filem>
- Garis Panduan Kandungan Berunsur Islam Dalam Media Baharu (2024). JAKIM. https://www.islam.gov.my/images/garis-panduan/Garis_Panduan_Kandungan_Berunsur_Islam_Dalam_Media_Baharu.pdf
- Rujukan Akhbar**
- Harun, A. (2022, September 19). Waspada kartun animasi ada unsur LGBT. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2022/09/1002086/waspada-kartun-animasi-ada-unsur-lgbt>
- Rostam, A. (2023, October 3). Animasi didik kanak-kanak dalam Islam. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/10/1160265/animasi-didik-kanak-kanak-dalami-islam>
- Jefri, N. (2022, February 21). Animasi hebat berunsur Islamik. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/rap/2022/02/812462/animasi-hebat-berunsur-islamik>